

# Elaun nelayan diteruskan

*Layak terima insentif berkenaan melalui kad pintar*

NUR ALINA HASSAN

BATU PAHAT

**B**erita baik kepada golongan nelayan apabila kerajaan memutuskan untuk meneruskan pemberian elaun sara hidup.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, elaun itu akan diberikan menggunakan mekanisme kupon atau kad pintar.

Menurutnya, ia bagi memastikan bantuan berkenaan dapat dinikmati secara terus kepada golongan memerlukan.

"Saya tak nak macam sistem dulu. Mana yang ada kelemahan kita baik, mana yang baik kita teruskan.



**Salahuddin (tengah) merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Taklimat Insentif Agro Makanan, semalam.**

Ini penting bagi mereka yang patut menerima inisiatif kerajaan.

"Cara dan pendekatan akan difikirkan dari semasa ke semasa. Kalau dulu bayaran secara tunai, kita baik dengan agih kupon, mungkin juga pemberian kad pintar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri

Asas Tani serta Taklimat Insentif Agro Makanan, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Sallehuddin Hassan dan Pegawai Daerah, Zulkiflee Abbas.

Salahuddin berkata, bantuan itu dijangka membabitkan kira-kira 40,000 nelayan terdiri daripada kumpulan sasar selepas proses pemutihan dilaksanakan.

"Kalau dulu RM300 sebulan setiap musim tengkujuh kita bagi duit tetapi selepas ini kita mahu insentif diberi digunakan dengan betul untuk membeli barang keperluan keluarga," katanya.

Sebelum ini, beberapa persatuan nelayan mahu kerajaan menjelaskan sama ada segala bentuk bantuan terus kepada golongan itu terutama elaun sara hidup nelayan akan diteruskan atau dihentikan, berikutan ia tidak disentuh dalam pembentangan Belanjawan 2019, Jumaat lalu.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, proses pemutihan nelayan juga sedang berjalan sehingga kini.

"Proses pemutihan nelayan mesti dilakukan dengan tepat. Bila buat pemutihan kita dapati angka (nelayan) mungkin berlaku kesilapan dan kita akan perbaiki.

"Setakat ini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah mengesahkan lebih 40,000 nelayan berdaftar tulen mengikut kriteria ditetapkan," katanya.